

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakah manakan kejayaan program “Komuniti Sihat Perkasa Negara” (KOSPEN) sebagai satu inisiatif memperkasakan komuniti, ke arah meningkatkan kekuatan negara dan menerapkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat

Tuan Yang di-Pertua,

Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) telah dilaksanakan semenjak tahun 2013 untuk menangani masalah peningkatan bebanan penyakit tidak berjangkit di negara ini melalui pemerksaan serta perluasan penglibatan masyarakat dalam program kesihatan dengan mengabungkan mekanisma kerajaan sedia ada terutamanya di peringkat akar umbi.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah melalui pendekatan yang agresif dengan penubuhan *functional units*” yang terdiri daripada sukarelawan dari kalangan masyarakat di seluruh negara yang akan bertindak sebagai “

health agent of change “. Program KOSPEN merangkumi lima (5) skop kesihatan iaitu Saringan Kesihatan (Tekanan Darah, Kandungan gula dalam darah, BMI, status merokok); amalan pemakanan sihat; pengurusan berat badan; aktiviti fizikal; dan amalan tidak merokok

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini Program KOSPEN telah berjaya membuat saringan kesihatan kepada 394,436 rakyat Malaysia dewasa yang berumur 18 tahun keatas di 5,899 lokaliti yang telah melaksanakan Program KOSPEN di seluruh Malaysia dengan jumlah sukarelawan seramai 39,961 orang .

Dalam masa yang sama melalui penerapan skop pemakanan sihat, di dapati lebih dari 50% lokaliti KOSPEN telah mematuhi tatacara penyediaan hidangan sihat semasa majlis rasmi iaitu menyediakan buah-buahan dan air mineral di dalam setiap hidangan, mengasingkan gula dari minuman panas serta menyediakan sayur-sayuran semasa hidangan berat.

Program Pengurusan Berat Badan juga merupakan salah aktiviti di lokaliti KOSPEN. Sehingga kini, sebanyak 219 lokaliti telah menjalankan program ini dengan pencapaian 92 % peserta kekal dalam tempoh 6 bulan program, 96 % peserta berjaya menurunkan berat badan dari berat badan asal.

Sesungguhnya, penerapan amalan gaya hidup sehat ini melalui Program KOSPEN telah menggerakkan perubahan tingkah laku masyarakat kepada amalan yang lebih sehat secara sukarela. Umum mengetahui bahawa perubahan tingkahlaku adalah sesuatu yang mencabar dan tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat. Namum demikian, Kementerian Kesihatan amat komited menjayakan KOSPEN dan sedang mengambil langkah perlu memperkukuhkan lagi pelaksanaan KOSPEN memandangkan hasil positif yang telah dicapai dalam masa yang singkat ini.